



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 23 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	FAMA TAK BANTU PASARKAN HASIL, PEKEBUN DAKWA ALAMI KERUGIAN, GETARAN -ONLINE PASAR SEGAR TERKAWAL CATAT NILAI JUALAN RM95.81 JUTA, SH -ONLINE PST CATAT NILAI JUALAN RM95.81 JUTA, NASIONAL, SH -14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	LPP SERAH 170 BAKUL MAKANAN DI PPV IPP TANJONG KARANG, NASIONAL, SH -14	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5. 6. 7.	AIVAC SASAR 7,500 PELADANG MADA DIVAKSIN, SH -ONLINE PROGRAM AIVAC SASAR 7,500 PELADANG, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE SASAR VAKSIN 7,500 PELADANG MADA, NASIONAL, SH -15	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9.	BERMODALKAN RM50, BELACAN PALAS BINTULU KINI MAKIN POPULAR, NEGARA, KOSMO -7 AIM BANTU USAHAWAN BELACAN TINGKAT ILMU, DALAM NEGERI, UM -9	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN (MARDI)
10. 11. 12. 13. 14. 15.	PESAWAH BERPUTIH MATA PADI REBAH DILANDA BANJIR, NASIONAL, BH -19 RM250,000 UNTUK PENGUSAHA MELON, NEGERI TERENGGANU/SELANGOR/KL, SH -33 LARANG JUAL SEMUA JENIS TELUR PENYU, TUNTUNG MULAI TAHUN DEPAN, NEGERI TERENGGANU/SELANGOR/KL, SH -33 TANAMAN CENDAWAN BERI HASIL LUMAYAN, BISNES SINAR, SH -37 CARI KERJA LAIN KETIKA TENGGUJUH, DALAM NEGERI, UM -27 NELAYAN TIDAK TRAUMA WALAU BOT KARAM DIBADAI OMBAK, DALAM NEGERI, UM -27	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2021	GETARAN	ONLINE	

FAMA Tak Bantu Pasarkan Hasil, Pekebun Dakwa Alami Kerugian

KUANTAN - Melihat potensi sektor pertanian yang mampu memberi pulangan lumayan, seorang tukang masak nekad kembali ke tanah air bagi mengusahakan tanah milik ibunya, selepas dua tahun berkelana di Australia.

Memilih mengusahakan 1,000 pokok cili jenis Bara F1 di kawasan seluas 0.8 hektar, harapan itu berkecai di tengah jalan, dek kerenah birokrasi.

Mohd Sofian Abdul Wahid, 49, berkata, dia yang mengusahakan kebun cili sejak setahun lalu tidak pernah menerima bantuan atau bimbingan daripada mana-mana pihak.

“Semuanya saya lakukan sendiri, daripada kerja (membersihkan) tanah, sehinggalah pemilihan benih cili dan penggunaan baja, langsung tidak ada bantuan dari pejabat pertanian (Jabatan Pertanian Negeri Pahang) atau agensi berkaitan.

“Konsep penanaman menggunakan kaedah fertigasi dengan sistem saliran bagi setiap anak pokok juga saya reka bentuk sendiri berdasarkan sedikit pengalaman diperoleh ketika berada di Australia sekitar tahun 2018,” katanya ketika ditemui Getaran di sini, hari ini.



Mohd Sofian memetik cili yang telah masak

Mohd Sofian berkata, kebun cili jenis Bara F1 itu sudah dua kali mengeluarkan hasil dan dia terpaksa berusaha mencari pembeli sendiri di sekitar bandar raya Kuantan dan daerah berhampiran.

Katanya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disusuli perintah penutupan sepenuhnya aktiviti sosial dan ekonomi atau ‘total lockdown’ dikuatkuasakan kerajaan sebelum ini, sangat memberi kesan terhadap penjualan hasil kebun berkenaan.

“Memang saya pening juga bila dikuatkuasakan PKP dan ‘Total Lockdown’ memandangkan pergerakan terbatas dan tidak boleh keluar dari daerah, jadi saya hanya harapkan pelanggan di sekitar kawasan (kampung) Cempaka dan Pantai Sepat sahaja.

“Kalaulah FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) boleh bantu, mungkin saya tidak berdepan risiko mengalami kerugian,” katanya yang turut menghasilkan cili jeruk untuk dijual bagi mengelakkan pembaziran hasil kebun.

Ketika ditanya mengenai usaha untuk mendapatkan bantuan daripada pejabat pertanian dan FAMA, Mohd Sofian berkata, dia pernah cuba berjumpa dengan pegawai bertanggungjawab, namun setakat ini belum berpeluang bertemu dengan individu terbabit.

“Ada juga cuba pergi jumpa (pegawai pertanian), tapi kita sendiri fahamlah, ketika PKP tidak semua boleh datang pejabat, ada (pegawai) yang kerja dari rumah, jadi saya belum dapat jumpa dengan mereka.

“Kalau boleh, mereka datanglah ke sini, datang kebun ini dan lihat apa jenis bantuan boleh diberikan. Saya masih bersemangat untuk teruskan usaha ini dan kalau boleh dapat sokongan dari pejabat pertanian atau agensi lain yang ada kaitan, lagi bagus,” katanya.

Mohd Sofian turut memaklumkan sudah menghabiskan kira-kira RM20,000 untuk mengusahakan kebun terbabit dan dia berharap ada pihak dapat menghulurkan bantuan, sama ada dalam bentuk geran atau modal pusingan bagi membolehkan dia menambahkan keluasan tanaman cili Bara F1 di kebun berkenaan. - Getaran, 23 Ogos 2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pasar Segar Terkawal catat nilai jualan RM95.81 juta



Haslina (tengah) ketika melawat Pasar Segar Terkawal yang diwujudkan di Pasar Tani Kekal Datin Halimah, Larkin, Johor Bahru.

JOHOR BAHRU- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membuka sebanyak 54 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara sejak bermulanya pelaksanaan 'total lockdown' 3.0 pada Jun sehingga 19 Ogos lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, inisiatif PST ini menyumbang kepada nilai jualan sebanyak RM95.81 juta dengan jumlah petani yang mendapat manfaat adalah seramai 2,983 orang.

Johor jelas beliau, menyumbang sebanyak RM23.6 juta dari nilai jualan keseluruhan daripada enam PST yang dibuka.

"Sebanyak 28 buah pasar tani telah dibenarkan beroperasi melibatkan seramai 692 usahawan sehingga 19 Ogos lalu. Kesemua pasar tani yang beroperasi ini terletak di negeri-negeri yang berada dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 dan 3 seperti negeri Perak, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah, Sarawak dan Perlis.

"FAMA menjangkakan lebih banyak pasar tani akan beroperasi di negeri-negeri yang telah berada dalam PPN Fasa 2 dan 3 ini dalam masa terdekat,"katanya menerusi kenyataan pada Sabtu.

Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi seluas 0.8 hektar yang dibangunkan di Pejabat FAMA Negeri Johor dengan kerjasama Koperasi FAMA Johor Berhad (KPFJB).

Beliau sebelum itu mengadakan lawatan ke salah satu outlet PST di Pasar Tani Kekal Datin Halimah bagi meninjau pelaksanaan operasi di Johor yang masih berada dalam PPN Fasa 1 pada Sabtu.



Beliau turut memantau pelaksanaan pembangunan Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi seluas 0.8 hektar yang dibangunkan di Pejabat FAMA Negeri Johor dengan kerjasama Koperasi FAMA Johor Berhad (KPFJB).

Sementara itu, MAFI turut menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada 11 orang wakil daripada golongan asnaf, penghuni rumah kebajikan dan pusat jagaan warga emas sekitar Johor Bahru serta usahawan bimbingan FAMA Johor yang memerlukan.

Haslina (kiri) menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada 11 orang wakil golongan asnaf, penghuni rumah kebajikan dan pusat jagaan warga emas sekitar Johor Bahru.



"Secara keseluruhannya, seramai 71,491 penerima di 400 buah lokasi di seluruh negara telah menerima manfaat daripada program MAFI Prihatin yang melibatkan 10 buah jabatan dan agensi di bawahnya.

"Pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja, telah memberi manfaat kepada 30,404 orang yang terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan NGO di 157 lokasi seluruh negara dengan jumlah

keseluruhan sebanyak 59.04 metrik tan makanan telah disalurkan," katanya.

PST catat nilai jualan RM95.81 juta

54 lokasi Pasar Segar
Terkawal dibuka di
seluruh negara

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membuka 54 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara sejak bermulanya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) pada Jun sehingga 19 Ogos lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk-Haslina Abdul Hamid berkata, inisiatif PST ini menyumbang kepada nilai jualan RM95.81 juta dengan jumlah petani yang mendapat manfaat adalah seramai 2,983 orang.

Menurutnya, Johor me-



Haslina (kiri) menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada 11 wakil golongan asnaf, penghuni rumah kebajikan dan pusat jagaan warga emas sekitar Johor Bahru.

nyumbang sebanyak RM23.6 juta daripada nilai jualan keseluruhan melalui enam PST yang dibuka.

"Sebanyak 28 pasar tani telah dibenarkan beroperasi melibatkan seramai 692 usahawan sehingga 19 Ogos lalu. Kesemua pasar tani yang beroperasi ini terletak di negeri-negeri yang berada dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 dan 3 se-

perti Perak, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah, Sarawak dan Perlis.

"FAMA menjangkakan lebih banyak pasar tani akan beroperasi di negeri-negeri yang telah berada dalam PPN Fasa 2 dan 3 ini dalam masa terdekat," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Beliau sebelum itu mengadakan lawatan ke salah satu

PST di Pasar Tani Kekal Datin Halimah bagi meninjau pelaksanaan operasi di Johor yang masih berada dalam PPN Fasa 1 pada Sabtu.

Turut hadir, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Beliau turut memantau pelaksanaan pembangunan Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi seluas

0.8 hektar yang dibangunkan di Pejabat FAMA Negeri Johor dengan kerjasama Koperasi FAMA Johor Berhad (KPFJB).

Sementara itu, MAFI turut menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada 11 wakil golongan asnaf, penghuni rumah kebajikan dan pusat jagaan warga emas sekitar Johor Bahru serta usahawan bimbingan FAMA Johor yang memerlukan.

"Secara keseluruhannya, seramai 71,491 penerima di 400 lokasi di seluruh negara telah menerima manfaat daripada program MAFI Prihatin yang melibatkan 10 jabatan dan agensi di bawahnya.

"Pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja telah memberi manfaat kepada 30,404 orang yang terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan NGO di 157 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 59.04 tan metrik makanan telah disalurkan," katanya.

LPP serah 170 bakul makanan di PPV IPP Tanjung Karang



Azulita (empat dari kanan) bergambar bersama tetamu dan penerima sumbangan bakul makanan.

TANJONG KARANG - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menyerahkan sebanyak 170 bakul makanan kepada anggota pasukan keselamatan dan petugas kesihatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institut Pengurusan Peladang (IPP) Tanjung Karang di sini pada Jumaat.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azulita Salim berkata, program penyerahan secara ringkas itu mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Sumbangan yang diberikan memabatkan makanan keperluan asas termasuk ayam Peladanku, beras, telur, tepung dan bihun," katanya dalam

kenyataan pada Ahad.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Lembaga Pertubuhan Peladang, Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim; Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan LPP, Dr Mohamad Azizi Mohd Atar; Ketua Penolong Pegawai Daerah (Khidmat Pengurusan) Kuala Selangor, Mohd Zary Affendi Mohd Arif; Pengurus Besar IPP Tanjung Karang, Azli Hudin Zakaria dan Pengarah Operasi Parlimen Tanjung Karang, Salbiah Saari.

Menurut Azulita, program itu juga bertujuan meninjau pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi memastikan

80 peratus rakyat Malaysia menerima vaksin dan sekali gus membentuk imuniti kelompok bagi mengekang penularan wabak.

Jelas beliau, pembukaan PPV IPP ini dirasmikan oleh bekas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dengan kerjasama Ahli Parlimen Tanjung Karang, Tan Sri Noh Omar pada 28 Jun lalu.

"Pembukaan PPV ini membolehkan lebih ramai penduduk terutama di luar bandar mendapatkan vaksinasi dan mempercepatkan lagi proses itu untuk penduduk di Tanjung Karang khususnya," katanya.

Tambah beliau, pada peringkat awal

dimaklumkan bahawa kapasiti PPV dirancang melaksanakan pemvaksinan sebanyak 600 dos sehari sahaja.

Bagaimanapun katanya, kapasiti PPV ditingkatkan kepada 1,600 dos sehari bermula 12 Julai lalu berikutan permintaan penduduk tempatan.

"Seramai 61,771 individu telah lengkap dos kedua vaksin sehingga mencapai 90 peratus imuniti kelompok bagi penduduk di Tanjung Karang pada 17 Julai lalu," katanya.

Menyulas mengenai program penyerahan itu, Azulita memberitahu, beliau telah diberi taklimat ringkas berkaitan pengoperasian imunisasi di PPV berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/8/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

AiVAC sasar 7,500 peladang MADA divaksin



Badrul Hisham (dua dari kiri) dan Ahmad Tarmizi (dua dari kanan) beramah mesra dengan penerima vaksin program AiVAC di Kompleks Latihan MADA, Alor Serdang, pada Sabtu.

ALOR SETAR - Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) menyasarkan 7,500 peladang bagi kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) diberikan suntikan vaksin

Covid-19.

Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, pelaksanaan AiVAC adalah sebagai langkah pencegahan awal mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan pekerja industri agromakanan bagi menjamin kelangsungan rantai bekalan makanan negara.

Menurutnya, ia seterusnya diyakini dapat merancakkan semula sektor agromakanan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Ia susulan kerajaan telah meletakkan sektor pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya sebagai salah satu perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi sepanjang masa tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN),” katanya selepas meninjau pelaksanaan projek rintis Program Outreach Vaksinasi anjuran MAFI melibatkan 1,000 peladang MADA di Kompleks Latihan MADA, Alor Serdang, pada Sabtu.

Hadir sama, Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman serta pegawai kanan kementerian, jabatan dan agensi MAFI.

Mengulas lanjut, Badrul Hisham berkata, program AiVAC melibatkan dua kategori, iaitu kumpulan sasar utama dan kumpulan sasar pemain industri terpilih.

“Kumpulan sasar utama program AiVAC adalah seramai 420,000 orang terdiri daripada pesawah, petani, penternak, nelayan dan pengusaha industri agromakanan kecil-kecilan warganegara Malaysia.

“Bagi kumpulan sasar pemain industri terpilih pula melibatkan 100,000 pekerja di syarikat dan persatuan dalam sektor agromakanan yang berdaftar dengan MAFI,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, bagi kumpulan sasar utama, pemberian vaksin akan dilaksanakan menerusi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam PICK manakala bagi kumpulan sasar pemain industri terpilih, dilakukan menerusi pembukaan PPV Industri (PPVIN) dan PPV Bergerak.

“Pelaksanaan program AiVAC akan turut melibatkan seluruh jabatan dan agensi bawah MAFI sebagai tanda sokongan kepada kempen PICK dan Pelan Pemulihan Negara.

“Kita menetapkan sasaran tiga bulan untuk selesaikan program ini selaras dengan usaha kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok dalam kalangan rakyat,” katanya.



23 AUG, 2021

Program AiVAC sasar 7,500 peladang

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Program AiVAC sasar 7,500 peladang

Oleh Adriana Mroon Ambrose

ALORSETAR: Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) bagi kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dilancarkan Sabtu lepas dengan menyasarkan 7,500 peladang.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam kenyataan media berkata, pihaknya menetapkan sasaran dalam tempoh tiga bulan untuk menyelesaikan pelaksanaan program AiVAC selaras dengan usaha kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok dalam kalangan rakyat Malaysia dalam masa terdekat.

Kerajaan meletakkan sektor pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya sebagai salah satu perkhidmatan perlu (essential services) yang dibenarkan untuk beroperasi sepanjang masa tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pelaksanaan AiVAC adalah

langkah pencegahan awal dalam mengurangkan risiko keberjangkitan dalam kalangan pekerja industri agromakanan bagi menjamin kelangsungan rantai bekalan makanan negara dan seterusnya merancakkan semula sektor agromakanan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Secara keseluruhannya Program AiVAC akan melibatkan dua kategori iaitu Kumpulan Sasar Utama dan Kumpulan Sasar Pemain Industri Terpilih.

Kumpulan Sasar Utama program AiVAC adalah seramai 420,000 orang yang terdiri daripada pesawah, petani, penternak, nelayan, dan pengusaha industri agromakanan kecil-kecilan warganegara Malaysia.

Kumpulan Sasar Pemain Industri Terpilih akan melibatkan 100,000 pekerja di syarikat dan persatuan dalam sektor agromakanan yang berdaftar dengan MAFI.

Bagi Kumpulan Sasar Uta-

ma, pemberian vaksin akan dilaksanakan menerusi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam PICK manakala bagi Kumpulan Sasar Pemain Industri Terpilih, pemberian vaksin akan dibuat menerusi pembukaan PPV Industri (PPVIN) dan PPV Bergerak (PPV Mobile).

Pelaksanaan Program AiVAC akan turut melibatkan seluruh Jabatan dan Agensi di bawah MAFI sebagai tanda sokongan kepada kepimpinan PICK dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Timbalan Ketua Setiausaha MAFI Datuk Badrul Hisham Mohd baru-baru ini mengetuai pasukan Program Outreach Vaksinasi dianjurkan MAFI menerusi agensi MADA turun padang bagi melihat sendiri pelaksanaan projek rintis melibatkan seramai 1,000 peladang di Kawasan MADA.

Turut hadir Pengerusi MADA Ahmad Tarmizi Sulaiman dan pegawai kanan Kementerian, jabatan dan agensi di bawah MAFI.



23 AUG, 2021

Program AiVAC sasar 7,500 peladang

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

ALORSETAR: Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) bagi kawasan pertanian Lembaga Kemajua Pertanian Muda (MADA) dilancarkan Sabtu lepas dengan menyasarkan 7,500 peladang. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam kenyataan media berkata, pihaknya menetapkan sasaran dalam tempoh tiga bulan untuk menyelesaikan pelaksanaan program AiVAC selaras dengan usaha kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok dalam kalangan rakyat Malaysia dalam masa terdekat.

Sasar vaksin 7,500 peladang MADA

Rancakkan semula sektor agromakanan yang terjejas akibat pelaksanaan PKP

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) menyasarkan 7,500 peladang bagi kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) diberikan suntikan vaksin Covid-19.

Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, pelaksanaan AiVAC adalah sebagai langkah pencegahan awal mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan pekerja industri agromakanan bagi menjamin kelangsungan rantaian bekalan makanan negara.

Ujar Badrul Hisham, ia seterusnya diyakini dapat merancakkan semula sek-

tor agromakanan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Ia susulan kerajaan telah meletakkan sektor pertanian, perikanan dan ternakan serta rantaianya sebagai salah satu perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi sepanjang masa tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN), katanya selepas meninjau pelaksanaan projek rintis Program Outreach Vaksinasi anjuran MAFI melibatkan 1,000 peladang MADA di Kompleks Latihan MADA, Alor Setang pada Sabtu.

Hadir sama, Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman serta pegawai kanan kementerian, jabatan dan agensi MAFI.

Mengulas lanjut, Badrul Hisham berkata, program AiVAC melibatkan dua kategori iaitu kumpulan sasaran utama dan kumpulan sasaran pemain industri terpilih.

“Kumpulan sasaran utama program AiVAC adalah seramai 420,000 orang terdiri daripada pesawah, petani, penanam, nelayan dan pengusaha industri agromakanan kecil-kecilan warganegara Malaysia.



Badrul Hisham (tengah) ketika melancarkan AiVAC di Kompleks Latihan MADA pada Sabtu.

“Bagi kumpulan sasaran pemain industri terpilih pula melibatkan 100,000 pekerja di syarikat dan persatuan dalam sektor agromakanan yang berdaftar dengan MAFI,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, bagi kumpulan sasaran utama, pemberian vaksin akan dilaksanakan menerusi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam PICK manakala bagi kumpulan sasaran pemain industri terpilih, dilakukan menerusi

pembukaan PPV Industri (PPVTIN) dan PPV Bergerak.

“Pelaksanaan program AiVAC akan turut melibatkan seluruh jabatan dan agensi bawah MAFI sebagai tanda sokongan kepada kempen PICK dan Pelan Pemulihan Negara.

“Kita menetapkan sasaran tiga bulan untuk selesaikan program ini selaras usaha kerajaan mencapai imuniti kelompok dalam kalangan rakyat,” katanya.

Bermudahkan RM50, Belacan Palas Bintulu kini makin popular



Oleh RASDAN AHMAD

HANYA berbekalkan modal RM50 sejak memulakan permagaan 22 tahun yang lalu, Razuna Kiprawi, 51, kini mampu menarik nafas lega apabila jenama Belacan Palas Bintulu dikenali rama.

Anak Nelayan dari suku kaum Vaka Bintulu, Sarawak itu tidak pernah berasa malu untuk berniaga kerana sejak dari kecil lagi telah didedahkan dengan dunia usahawan dengan menjual hasil tangkapan laut bapanya di sekeliling kampung meraihi basikal.

Pengalaman tersebut telah menjadi pendorong buat usahawan belacan pertama di Bintulu itu mempopularkan produk daripada hasil tangkapan laut di daerah itu.

Menurut Peragas Monanie Family Enterprise Bintulu yang menyertai Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) itu, pada awal pembuatannya menjual belacan palas dengan pembungkusan yang tidak menarik tanpa jenama dan pekat, produknya kurang dikenali dan hasil jualan agak rendah.

Jelasnya, setelah bersama AIM sejak tahun 2006, dia berpeluang



SEBAHAGIAN daripada produk keluaran Monanie Family Enterprise yang semaldin bertambah hasil kursus yang disertai Razuna.

mengikuti pelbagai kursus keusahawanan yang disediakan, malah menimba ilmu hingga ke Sabah bagi melihat bagaimana penghasilan produk dijalankan.

Melalui modal awal pinjaman RM500 daripada AIM, syarikat mengeluarkan jenama Belacan Palas Bintulu dan diperluaskan kepada 19 produk lain berasaskan hasil tangkapan laut hasil penyertaannya dalam beberapa kursus badan tersebut.

Produk tersebut terdiri daripada keropok keping ikan parang, ikan tenggiri, lekor keping, lekor basah, urai Bintulu;

Hala tuju dan kejayaan kita sekali gus akan dapat mengubah status keluarga dan membantu anak-anak menyambung pengajian."

udang geragau kering, ikan salai dan ikan sate.

Bagi segmen belacan pula, Razuna menjelaskan, ia turut dikomersialkan kepada 13 produk



RAZUNA menurukkan produk keluaran Belacan Palas Bintulu di pejabatnya di Bintulu, Sarawak baru-baru ini.

lain yang berasaskan belacan.

Antaranya ialah belacan kapsul dan blok, serbuk belacan, keropok berperisa belacan dan ikan berperisa belacan.

"Perkembangan ini hasil kursus di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang saya sertai sebelum ini," ujar ibu kepada empat anak itu.

"Sahabat AIM harus kekal berada di landasan dan menggunakan modal pinjaman dengan betul bagi memastikan ia dapat mendatangkan hasil.

"Sahabat AIM janganlah lari daripada niat dan landasan yang dipelajari selama ini.

"Hala tuju dan kejayaan kita, sekali gus akan dapat mengubah status keluarga dan membantu anak-anak menyambung pengajian," jelasnya.

Meraka yang berminat untuk mendapatkan produk keluaran Monanie Family Enterprise boleh menghubungi Razuna di talian 011-4402 8670 atau berkunjung ke Kampung Assarakirin Fasa 2, Lot 2533, Jalan Mawar Kuning, Bintulu atau layari Facebook: razunakiprawi@facebook.com.



Amanah Ikhtiar
Malaysia

Oleh **NURFARAHIN HUSSIN**
utusannews@mediamulia.com.my

DENGAN berbekalkan modal awal RM500, kira-kira 22 tahun lalu, Razuna Kiprawi memulakan perniagaan Belacan Palas di Bintulu, Sarawak.

Anak Nelayan Vaie Bintulu yang kini berusia 51 tahun itu tidak pernah malu berniaga kerana sejak kecil telah didedahkan dengan dunia keusahawanan ketika menjual hasil tangkapan ayahnya ke sekeliling kampung menaiki basikal. Ia menjadi pendorong usahawan belacan pertama di Bintulu itu untuk terus bangkit memperkenalkan produk hasil tangkapan laut Bintulu.

Sedar ilmu perniagaan amat penting untuk memasarkan produknya dengan lebih meluas, pengasas Monanie Family Enterprise Bintulu itu mengambil inisiatif menyertai Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pada 2006.

Razuna berkata, sejak menyertai AIM, beliau berpeluang mengikuti pelbagai kursus keusahawanan sehingga ke Sabah untuk melihat bagaimana penghasilan produk serta kaedah pembungkusan yang digunakan.

"Tanpa jenama dan alat pemasaran seperti pelekat, produk saya kurang dikenali mengakibatkan jualan kurang membarangsangkan.

"Kursus yang disediakan AIM membantu saya lebih memahami cara memasarkan produk dengan

AIM bantu usahawan belacan tingkat ilmu pemasaran



RAZUNA KIPRAWI menunjukkan pelbagai jenis belacan dan produk hasil laut yang dihasilkan di Kampung Assyarakirin Fasa 2, Bintulu, Sarawak.

lebih berkesan sehingga berjaya menembusi pasaran antarabangsa," katanya kepada *Utusan Malaysia* dalam kenyataan, baru-baru ini.

Hasilnya, Razuna kini berjaya mengeluarkan 19 produk berasaskan keropok keping ikan parang, keropok keping ikan tenggiri, keropok lekor keping, keropok lekor basah, belacan

goreng, udang geragau kering, ikan salai dan ikan sate.

Beliau juga mampu melangkah lebih jauh dengan mengkomersialkan produk belacan sehingga menghasilkan 13 produk berasaskan belacan termasuk belacan kapsul, belacan blok, serbuk belacan, keropok berperisa belacan, ikan sate berperisa

belacan dan ikan berperisa belacan. Ujar penerima Anugerah Wanita Harapan, Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak Bintulu 2019 dan Anugerah Usahawanita Persatuan Nelayan Kawawan Bintulu 2018 itu, usahawan AIM perlu menggunakan modal pinjaman RM500 dengan betul dan memastikan ia mendatangkan

RAZUNA KIPRAWI

» Lokasi perniagaan:

Kampung Assyarakirin Fasa 2, Lot 2533 Jalan Mawar Kuning Bintulu, Sarawak.

» No Tel: 011 - 14028670

» Facebook: [@razunakiprawi@facebook.com](https://www.facebook.com/razunakiprawi)

hasil sewajarnya.

"Percayalah, dengan itu kita mungkin dapat mengubah status keluarga dan membantu anak-anak dalam pelajaran mereka di peringkat lebih tinggi," katanya.

Setelah melalut jatuh bangun sebagai usahawan, beliau mengukuti pandemik Covid-19 merupakan cabaran terbesar yang pernah dilalui.

"Sebagai usahawan, kita jangan berputus asa dan cuba mengikut keadaan semasa dengan beralih kepada platform media sosial untuk terus memasarkan produk.

"Walaupun apa berlaku, kita perlu mencari kaedah terbaik bagi memastikan produk kita sampai kepada pengguna. Jatuh dan bangun dalam perniagaan adalah lumrah kehidupan seorang usahawan," tambahnya.

23/8/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

19

Pesawah berputih mata padi rebah dilanda banjir

Alor Setar: Lebih 30 pesawah di tiga kampung dekat Pokok Sena, kerugian kira-kira RM100,000 selepas sawah mereka seluas 35 hektar ditenggelami air akibat hujan lebat sejak Rabu lalu.

Ketiga-tiga kampung berkenaan ialah Kampung Kejai, Kampung April dan Bukit Larek.

Ahmad Sarbani Abdullah, 48, yang mengusahakan tiga hektar sawah secara sewa berkata, mereka terpaksa 'berputih mata' apabila padi yang sepatutnya dituai bulan depan rebah dan rosak akibat dinaiki air.

"Punca utama banjir disebabkan kan sistem saliran sempit dan tidak dapat menampung aliran air hujan yang deras dari bukit berdekatan sehingga menengge-

lamkan padi sedalam dua meter. "Masalah ini berlarutan sejak lama, apabila tiba musim hujan pada Ogos dan September, kami mula bimbang.

"Padi sudah mencapai usia 80 hari itu boleh dituai bulan depan. Saya kecewa, namun reda kerana menganggap tiada rezeki saya musim ini.

"Modal besar dikeluarkan hangus begitu sabaja. Saya terpaksa tanggung kerugian kira-kira RM7,000," katanya kepada *BH*, semalam.

Ahmad Sarbani mendakwa, masalah saliran itu sudah dimaklumkan kepada Persatuan Peladang Kawasan Pokok Sena (PPK), tetapi sehingga sekarang belum ada tindakan.

Mohd Firdaus Ahmad, 35, pula berkata kerja membersih dan meluaskan sistem saliran sepanjang lima kilometer di kawasan sawah dilaksanakan hujung tahun lalu.

Namun, dia mendakwa hanya sebahagian dibersihkan serta dibarkan dan menyebabkan saliran itu tidak berkesan sepenuhnya.

"Apabila masih ada saliran yang sempit, ia tidak menampung arus deras melainkan air melimpah ke sawah dan ia bertakung dua hari sejak Rabu lalu," katanya yang kerugian kira-kira RM5,000.

Bagi Mohd Noor Ahmad, 38, berkata punca lain yang menyebabkan padi rosak disebabkan lewat menerima benih sehingga

terpaksa menaburnya di luar jadual.

Katanya, petani di situ akan menerima benih padi pada April, tetapi pada musim ini mereka menerima pada Jun.

"Saya usahkan lebih tujuh hektar sawah, hampir semuanya tenggelam dan menyebabkan saya rugi kira-kira RM20,000.

"Sekiranya dapat mulai menanam pada April, saya jangka kami semua sempat menuai lebih

awal," katanya yang sudah lebih 15 tahun mengusahakan sawah.

Sementara itu, Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pokok Sena, Yunus Laupe ketika dihubungi berkata, pihaknya sehingga kini belum menerima sebarang laporan daripada petani di kawasan itu.

Bagaimanapun, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pertanian Kedah bagi tindakan selanjutnya.



Pesawah menunjukkan padi yang sedih dituai bulan depan selepas rosak dilanda banjir di Kampung April, Pokok Sena, semalam. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

RM250,000 untuk pengusaha melon

Insentif itu melibatkan 47 pengusaha bagi meningkatkan mutu dan produktiviti buah itu

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Seramai 47 pengusaha tanaman fertigasi melon manis di negeri ini menerima insentif sebanyak RM250,000 sebagai galakan bagi meningkatkan mutu dan produktiviti buah berkenaan.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar, Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan negeri memberi insentif itu kerana sektor pertanian merupakan salah satu cabang untuk menjana sumber ekonomi Terengganu.

Beliau berkata, antara bantuan diberikan ialah benih, baja, racun, sistem pengairan, EC meter, PH meter, Basilus serta input-input lain.

"Bantuan ini sebagai dorongan kepada mereka untuk terus produktif dalam usaha meningkatkan pengeluaran buah yang menjadi identiti bagi

Terengganu," katanya kepada pemberita selepas penyerahan bantuan berkenaan kepada penerima secara pandu lalu di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong di sini pada Ahad.

Sementara itu, Dr Azman berkata, pengeluaran hasil bagi tanaman melon manis di negeri ini tidak terjejas sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula fasa pertama pada Mac tahun lalu.

"Pemberian termasuk di kawasan-kawasan terlatih Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) memandangkan sektor ini termasuk dalam sektor perlu yang dibenarkan beroperasi.

"Jadi tidak berlaku isu lambakan atau buah tidak laku, malah hasil pengeluaran bagi tahun ini juga sama seperti tahun lalu iaitu mencecah 500 tan setahun," jelas beliau.

Buah yang dijenamakan sebagai Melon Manis Terengganu (MMT) memiliki keunikan rasa tersendiri kerana ia lebih manis dan rangup berbanding 3,000 jenis melon lain di seluruh dunia.

Lebih istimewa, kepelbagaian buah eksklusif itu hanya terdapat di Terengganu dengan purata jualan RM10 bagi setiap kilogram.



Dr Azman (kiri) menyampaikan insentif secara pandu lalu kepada Muhiammad Syazwan Aliman Zakari, 26, yang merupakan salah seorang pengusaha tanaman fertigasi Melon Manis Terengganu (MMT) di Kuala Terengganu pada Ahad.

Larang jual semua jenis telur penyu, tuntut mulai tahun depan

KUALA TERENGGANU - Kerajaan Terengganu dijangka menguatkuasakan larangan jualan bagi semua jenis telur penyu dan tuntut bermula tahun depan.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, penguatkuasaan itu akan dijalankan selepas pindaan Enakmen Penyus Terengganu 1951 (Pindaan 1987) dibentangkan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Novembar.

"Proses pindaan enakmen kini di peringkat akhir sebelum dibentangkan pada Sidang DUN.

"Pindaan ini lebih tertumpu kepada akta pemuliharaan penyus termasuk pemuliharaan tuntut yang kali terakhir dipinda pada 1987.

ngnai penjualan telur, peningkatan hakuman dan denda meliputi kesalihan menganggu serta membunuh penyus," katanya pada Ahad.

Mengulas lanjut, Azman berkata, enakmen penyus Terengganu yang sebelum ini hanya menekankan pengharuman jualan terhadap penyus belimbing dilihat sudah tidak relevan dengan situasi semasa bagi terus memulihara hidupan itu.

"Peruntukan enakmen sedia ada hanya melarang penjualan telur penyus belimbing. Ia dilihat sudah tidak sesuai kerana penyus belimbing sudah lama tidak mendarat di Terengganu, kali terakhir dilihat sekitar tujuh tahun lalu.

"Jadi kita akan pinda kepada satu enakmen baharu yang mengharumkan jualan bagi semua jenis telur penyus di Terengganu bagi memelihara semua spesies hidupan marin tersebut," katanya.

Tanaman cendawan beri hasil lumayan



Tanah seluas 1.6 hektar yang ditina rumah cendawan, bilik seminar dan beberapa fasiliti lain.

Keputusan tukar kerjaya menjadi usahawan tani berbaloi

Oleh NOR FARHANA YAACOB

ALOR GAJAH

Demi minat dalam bidang pertanian, seorang anak jati Batu Berendam, Melaka sanggup melepaskan kerjayanya sebagai pegawai kewangan di Perbadanan Bioteknologi Melaka untuk menceburi bidang berkenaan.

Usahawan cendawan, Mohd Syukor Ahmad, 42 berkata, keputusan yang dibuat tujuh tahun lalu itu akhirnya berbaloi apabila dapat mengusahakan tanaman cendawan tiram kelabu di atas tanah seluas 1.6 hektar.

Menurut Pengarah Urusan Sinar Syukrawie Enterprise itu, segalanya bermula pada tahun 2009 apabila dia mengusahakan pertanian cendawan secara kecil-kecilan dengan menyewa tanah di Kampung Kandang dengan

kadar RM120 sebulan dan kemudian berpindah menyewa di Melaka Pindah dengan kadar RM1,000 sebulan.

Katanya, kerana perniagaan cendawan mudah diusahakan dan tidak memerlukan ruang yang besar, beliau berusaha bersungguh-sungguh dan sentiasa menambah pengetahuan bagi memastikan pertanian diusahakan membuahkan hasil dan dapat dipasarkan.

"Berkat kesabaran lebih dua tahun menyewa akhirnya berbaloi selepas saya dipilih sebagai Pemenang Anugerah Jaya Rural Business Challenge (RBC) 2013 anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan memperolehi geran bernilai RM750,000.

"Dengan geran itu saya beranikan diri membeli 1.6 hektar tanah di Gadek, Alor Gajah dan membuat keputusan meninggalkan kerjaya di perbadanan itu," katanya yang memiliki tiga anak berusia tujuh hingga 15 tahun.

Jelasnya, perusahaan cendawan tiram kelabu berpotensi pergi lebih jauh kerana merupakan sayuran organik dan meng-

ambil masa kira-kira sebulan untuk menuai hasil.

Menurutnya, melihat kejayaan demi kejayaan yang ditempah, dia turut menyediakan bilik latihan di kawasan berkenaan selain rumah cendawan bagi memberikan latihan kepada mereka yang berminat menceburi bidang itu dan juga pelajar-pelajar dalam bidang pertanian.

"Bukan sahaja mengusahakan tanaman cendawan, saya juga sering berkongsi ilmu dengan mereka yang meminati tanaman cendawan.

"Malah pernah juga pelajar dari negara China datang ke tempat saya untuk membuat latihan di sini, selain kakitangan agensi kerajaan juga dihantar menimba pengalaman di tempat saya," katanya.

PKP perniagaan terkesan

Pandemik Covid-19 yang melanda turut memberi kesan kepadanya apabila permintaan cendawan kelabu sedikit berkurangan berbanding tahun lalu.

Menurutnya, jika sebelum ini secara purata mampu menjual cendawan sebanyak 50 hingga



Mohd Syukor di hadapan pintu masuk tanaman cendawan tiram kelabu di Gadek sejak 2013.



Sebahagian cendawan yang diusahakan Mohd Syukor.

80 kilogram (kg) sehari, namun kali ini anggaran jualan kira-kira 30kg dengan harga RM12 per kg.

Bagaimanapun katanya, untuk memastikan perniagaan terus berjalan dan mampu memberi keuntungan, dia mengambil langkah drastik dengan mengurangkan kakitangan di ladang dan membuat penghantaran terus jualan kepada pelanggan sekitar Melaka termasuk di daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin.

"Jika sebelum ini saya memberikan latihan perusahaan cendawan sama ada di tempat saya atau pergi ke tempat mereka seperti di Universiti Putra Malaysia (UPM), namun disebabkan PKP saya menggunakan platform seperti webinar.

"Dengan mengenakan yuran berpatutan sekurang-kurangnya dapat menampung kos tanaman dan paling penting usahawan perlu kreatif untuk menjana pendapatan sepanjang PKP ini," katanya.

Mengakui pernah mengalami

kerugian lebih RM20,000 disebabkan bongkah cendawan rosak, namun ia tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan perniagaan itu dan memberi pengajaran supaya lebih berhati-hati memantau pekerja.

Ujarnya, selain jualan cendawan, syarikatnya juga menghasilkan bongkah cendawan berkualiti berharga RM1.50 hingga RM2.50 mengikut kematangan bongkah itu dan turut dipasarkan di luar Melaka.

Katanya, masalah kekurangan habuk getah sepanjang PKP secara tidak langsung turut memberi kesan kepada pendapatan, namun sehingga sekarang masih dapat mengawal dan memastikan pertanian itu terus memberi keuntungan.

"Apa yang saya harapkan impian saya untuk menjadikan tanah pertanian ini sebagai agro pelancongan yang turut dilengkapi bilik pameran pelbagai jenis cendawan di Malaysia dan kemudahan chalet tercapai suatu hari nanti," katanya.



Perniagaan Mohd Syukor turut dibantu anak muda kampung untuk menghasilkan bongkah cendawan menggunakan habuk kayu.

Cari kerja lain ketika tengkujuh

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
utusannews@mediamula.com.my

PORT DICKSON: Monsun Barat Daya yang menyebabkan ribut petir dan hujan di negeri-negeri pantai barat Semenanjung ketika ini menyebabkan golongan nelayan di sini, terkesan serta terpaksa mencari pekerjaan lain buat sementara waktu bagi menampung kehidupan.

Seorang nelayan, Alias Ali, 66, berkata, keadaan cuaca yang tidak menentu mengundang risiko untuk nelayan turun ke laut ketika ini.

"Saya memilih mengusahakan perkhidmatan mengurut sehingga musim tengkujuh selesai. Saya juga khuatir turun ke laut dan bahaya kerana cuaca juga tidak menentu.

"Selain itu, saya mengambil upah mesin rumput jika ada permintaan. Walaupun sudah berusia namun kudrat masih ada untuk melakukan kerja-kerja ini," katanya.

Beliau ditemui *Utusan Malaysia* selepas program pengagihan Jalur Gemilang oleh Pejabat Penerangan Daerah Port Dickson kepada nelayan di Pangkalan Nelayan Bagan Pinang dekat sini, semalam.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Pinang, Datuk Tun Hairudin Abu Bakar.



ALIAS Ali mengibarkan Jalur Gemilang di atas perahunya bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kebangsaan 2021 di Pangkalan Nelayan Bagan Pinang, Port Dickson, Negeri Sembilan. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Seorang lagi nelayan, Rosli Abdul Aziz, 59, berkata, dia mengurangkan aktiviti menangkap ikan kerana khuatir dengan keadaan cuaca yang tidak menentu di perairan Port Dickson.

"Cuaca yang tidak menentu ini memang sukar untuk ne-

layan seperti kami. Jika dulu boleh tangkap ketam sehingga enam kilogram namun kini, hanya satu kilogram.

"Saya memang tidak jual kepada peraih tetapi kepada penduduk sekitar sahaja. Jika turun ke laut ketika ini memang tidak balik modal," ka-

tanya.

Dalam pada itu, Pegawai Daerah Port Dickson, Norhaidah Md. Esa berkata, program berkenaan dilihat dapat menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan pada tahun ini.

"Kami turun padang ke pangkalan nelayan bagi menyampai-

kan maklumat terkini menerusi program *Info on Wheels* dan memberi Jalur Gemilang kepada nelayan di sini.

"Sebanyak 100 pasang Jalur Gemilang diberikan kepada nelayan dan kami turut menghiasi kawasan berkenaan dengan bendera," katanya.



ABDUL Halim Ghani (dua dari kanan) bersama Mohd. Norizan Jusoh (kanan) ketika menerima kunjungan Rasman Ithnain (dua dari kiri) untuk menyerahkan sumbangan wang tunai dan barangan keperluan harian kepada kedua-dua nelayan itu di Tanjung Sedili, Kota Tinggi, Johor.

Nelayan tidak trauma walau bot karam dibadai ombak

KOTA TINGGI: Nelayan yang terlibat dalam insiden bot karam di perairan Tanjung Sedili di sini, Ahad lalu tidak menjadikan kejadian itu sebagai pematah semangat untuk kembali turun ke laut.

Abdul Halim Ghani, 50, berkata, tidak mungkin dia menghentikan aktiviti tersebut memandangkan itu sahaja satu-satunya caranya mencari nafkah buat keluarga yang bermula sejak 35 tahun lalu.

Katanya, insiden itu pertama kali dialami dan menganggapnya sebagai satu yang dahsyat kerana berdepan dengan ombak setinggi lebih lima meter.

"Kami dilanda satu hingga tiga gelombang ombak seting-

gi rumah yang datang secara mengejut bersama angin sehingga pada awalnya menyebabkan bot senget.

"Masa itu saya sempat bertakbir. Bila lihat bot sudah dipenuhi air dan hendak karam saya menyuruh rakan, Mohd. Norizan Jusoh, 38, kemas barang masuk dalam beg serta ambil jaket keselamatan.

"Setelah bot tenggelam ke dalam laut, saya hanya mampu menangis. Bot berkenaan dianggarkan bernilai RM250,000," katanya ketika ditemui pada Program Ziarah Sedili Peduli oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sedili, Rasman Ithnain.

Kata Abdul Halim, dia sempat memaklumkan kejadian

itu kepada keluarga, polis dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menggunakan telefon bimbit dan berkongsi kedudukan lokasi untuk diselamatkan.

Jelasnya, keadaan menjadi lebih sukar apabila telefon bimbunya mula dimasuki air menyebabkan mereka terputus hubungan dan berusaha berenang ke arah darat.

"Saya bersyukur kerana ketika itu air di laut suam-suam tidak sejuk. Ia sangat membantu saya bertahan sepanjang tempoh sebelum diselamatkan. Kami sempat juga mengalas perut dengan makan biskut yang sempat Norizan masukkan ke dalam begnya," katanya.